

VAKSIN

merupakan salah satu kemajuan perubatan yang terunggul pada era ini.

1 Perlindungan terhadap penyakit

Pelalian adalah amat penting terutamanya bagi golongan bayi baru lahir dan kanak-kanak untuk melindungi mereka daripada penyakit cegahan vaksin yang boleh membawa maut. Vaksin bertindak sebagai langkah pencegahan. Walaupun terdapatnya risiko kesan adwers, namun manfaat yang diperolehi daripada vaksinasi adalah jauh lebih besar daripada risiko tersebut.



2 Kejayaan vaksin – tiada lagi penyakit cacar air (smallpox)

Penggunaan vaksin melindungi kita daripada penyakit berbahaya. Sejarah membuktikan vaksin berjaya menghapuskan penyakit cacar air yang telah menyebabkan beribu-ribu kematian pada suatu masa dahulu.


Pengambilan vaksin telah dibuktikan dengan berjuta-juta nyawa dilindungi daripada penyakit merbahaya setiap tahun.



3 Adakah vaksin selamat?

Ya, secara amnya, vaksin adalah selamat.

Keberkesanan dan keselamatan vaksin telah dibuktikan berdasarkan pelbagai ujian, termasuk kajian klinikal yang melibatkan ribuan orang. Secara purata, penghasilan vaksin mengambil masa sekurang-kurangnya 10-20 tahun sebelum ia selamat untuk dipasarkan¹.



4 Pemantauan kesan adwers berikutan pelalian (AEFI)

Pihak regulatori sentiasa menjalankan pemantauan berterusan ke atas keselamatan vaksin melalui pelaporan AEFI.




5 Majoriti AEFI adalah ringan

AEFI ringan yang sering dilaporkan adalah seperti demam, kemerahan kulit, atau sakit otot pada tempat suntikan.



6 Tidak menyebabkan autisme

Lebih daripada 40 kajian saintifik yang melibatkan ribuan kanak-kanak telah mengesahkan bahawa tiada kaitan antara vaksin dengan autisme².



Sumber

1. Vaccines Europe (2019). How Are Vaccines Developed? Diakses pada June 18, 2019 daripada: <https://www.publichealth.org/public-awareness/understanding-vaccines/goes-vaccine/>

2. Healthychildren.org (2019). Vaccine Safety: Examine the Evidence. Diakses pada June 18, 2019 daripada <https://healthychildren.org/English/safety-prevention/immunizations/Pages/Vaccine-Studies-Examine-the-Evidence.aspx>